

TALKING POINT

PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB

NAIB CANSELOR

MAJLIS PENUTUP

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA KALI KE-3

1 MAC 2017 (RABU); 8.00 MALAM

LOBI FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, KAMPUS TEKNOLOGI

Yang Berbahagia Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar),

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Y.Bhg. Datuk Hasan bin Sirun
Pendaftar UTeM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KIK
UTeM

Y.Bhg. Profesor Madya Dr. Norzaidi bin Mohd Daud

Pengarah komuniti Penyelidikan (Sains Pengurusan), Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Teknologi MARA
Merangkap Ketua Panel Penilai

Y.Berusaha Encik Mokhzaini Aris bin Mohd Yusoff

Perunding Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Selangor
merangkap Ahli Panel Penilai

Y.Berusaha Puan Mazzleza bin Ab Wahab

Ketua Unit Inovasi, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia merangkap Ahli Panel Penilai

Y.Berusaha Encik Mohd Isa bin Mohd Dan

Ketua Pegawai Maklumat UTeM merangkap Pengerusi Jawatankuasa
Pelaksana KIK UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Para peserta Konvensyen KIK yang diraikan

Serta Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

PENGENALAN

- i. Syukur ke hadrat Allah SWT di atas nikmat dan kurniaNya kita dapat bersama dalam Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTeM kali ketiga pada malam ini.
- ii. Alhamdulillah, penyertaan Konvensyen KIK Peringkat UTeM Kali Ke-3 ini terdiri daripada 8 kumpulan dari 6 PTj iaitu 2 kumpulan dari FTK, 2 kumpulan dari Pejabat Pembangunan, 1 kumpulan dari Pejabat Pendaftar, PBPI, Perpustakaan dan FPTT.

PENGANJURAN KONVENSYEN KIK

- i. Mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan
- ii. Menyokong hasrat universiti untuk mengoptimumkan sumber sedia ada,
- iii. Turut menyokong dasar penjimatan dalam perbelanjaan pengurusan Universiti dengen lebih teliti, cekap, berkesan dan mempunyai *value for money*.
- iv. Alhamdulillah, penyertaan dalam Konvensyen KIK peringkat Universiti sentiasa mendapat sambutan yang teramat baik dan

para peserta berjuang menerusi komitmen dan usaha yang tinggi untuk mencipta kejayaan ke peringkat selanjutnya.

KEJAYAAN KUMPULAN KIK TERDAHULU

- i. Kejayaan dua kumpulan di peringkat antarabangsa:
 - a. MOLIA – dari Perpustakaan mendapat penarafan EMAS du bintang di International Exposition on Team Excellence (IETEX) 2016, Singapura
 - b. techITez dari PPPK Penarafan EMAS melalui projek Intelligent Registration (iREG) di International Convention Quality Control Circles (ICQCC) 2016, Bangkok, Thailand

- ii. Kejayaan penyertaan kumpulan Go Green dari FKM, Go Save (FKE) telah memperoleh kejayaan di peringkat kebangsaan.
- iii. InCOME (Pejabat Pendaftar) dan FTK-One (FTK) turut memperoleh kejayaan di peringkat Universiti Awam.
- iv. Usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterap dengan lebih pantas dan menyeluruh menerusi penjanaan lebih banyak idea-idea baharu untuk kebaikan bersama.

SOKONGAN BERTERUSAN

- i. Pihak pengurusan Universiti akan terus menyokong program KIK kerana kebaikan dan kelebihannya kepada warga dan organisasi sendiri.
- ii. KIK bukan sahaja memberi manfaat dalam pembangunan universiti yang malah turut memberi manfaat kepada persekitaran dan masyarakat di sekelilingnya.
- iii. Fokus juga perlu diberikan terhadap penghasilan produk inovatif yang dapat meningkatkan kecekapan operasi dan membantu masyarakat untuk menjadi inovatif dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan yang kompleks.

iv. Kreativiti dan daya inovasi yang ditunjukkan oleh peserta membuktikan betapa pepatah melayu yang mengatakan “Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya” adalah bertepatan dengan konteks semasa di UTeM.

PENUTUP

- i. Ucapan tahniah sekali lagi kepada pengajur juga kepada para peserta kumpulan KIK yang bertanding dalam konvensyen pada kali ini.
- ii. Peserta KIK perlu bekerja keras untuk membawa nama UTeM terus unggul di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

- iii. Bagi kumpulan yang memenangi anugerah pada malam ini, jadikanlah pencapaian itu satu inspirasi untuk terus menjana idea-idea kreatif dan inovatif selepas ini bagi meningkatkan lagi prestasi PTj masing-masing.

- iv. Pantun:

Makin tunduk makin berisi,
Membanting padi berseli lalang,
KIK memupuk budaya inovasi,
Kualiti dipertingkat perkhidmatan cemerlang

Jauh merantau di negeri orang
Mencari ilmu dibawa pulang
Teruskan usaha mencipta gemilang
Mengharum UTeM dipersada terbilang

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima Kasih.